

**KEKUATAN HUBUNGAN MOTIF, SIKAP DAN LATIHAN
PERGURUAN DENGAN PROFESIONALISME
KEGURUAN PELAJAR TAHUN PERTAMA
PROGRAM PENDIDIKAN DI IPTA**

Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid, Zulkifli Mohamed,
Na'imah Yusoff & Abdul Said Ambotang

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan secara langsung dan tidak langsung faktor motif, sikap dan latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan pelajar tahun pertama program pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Teori Aksi Bersebab (Ajzen & Fishbein, 1975) dan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1985) digunakan sebagai platform utama dalam kajian ini. Kajian tinjauan ini melibatkan sampel pelajar tahun pertama (770 orang) program pendidikan di IPTA. Sampel dipilih menerusi pensampelan rawak mudah, strata dan berkelompok. Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian iaitu ciri demografi, motif memilih profesion keguruan, sikap terhadap profesion keguruan, latihan dalam profesion keguruan dan profesionalisme keguruan. Data-data telah dianalisis menggunakan perisian Analysis of Moment Structures (AMOS Versi 4.01) bagi menguji hipotesis kajian pada aras signifikan $p < .05$. Keputusan analisis laluan membuktikan motif, sikap dan latihan perguruan mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan profesionalisme keguruan pelajar tahun pertama program pendidikan di IPTA. Keputusan analisis laluan menunjukkan sikap pelajar tahun pertama mempunyai hubungan sebanyak 23 peratus, manakala latihan perguruan pelajar tahun pertama mempunyai hubungan sebanyak 75 peratus secara langsung dan tidak langsung dengan profesionalisme keguruan berbanding dengan motif yang hanya mempunyai hubungan sebanyak 4 peratus bagi pelajar tahun pertama. Keputusan ujian akan menjadi lebih berguna dan bermakna sekiranya usaha awal dilakukan bagi mengenal pasti motif setiap bakal guru sebelum mereka diberi ruang dan peluang untuk menceburi profesion keguruan di negara ini. Bagi merealisasikan jangkauan tersebut, pelbagai perbezaan ciri demografi sampel kajian harus diberi perhatian di samping sikap dan latihan perguruan sebagai variabel yang mampu berhubung secara langsung dan tidak langsung ke arah mencapai profesionalisme keguruan bakal guru di negara ini.

Pengenalan

Pada zaman awal kemerdekaan, agenda utama tertumpu terhadap usaha membentuk perpaduan masyarakat berbilang kaum dan menggerakkan pembangunan ekonomi negara. Dalam hal ini, sektor pendidikan diberikan kepercayaan dan peranan utama serta dianggap wahana untuk mencapai hasrat membentuk perpaduan berbilang kaum di samping membangunkan ekonomi negara. Komitmen negara terhadap usaha tersebut adalah jelas dan berterusan sehingga hari ini melalui peruntukan belanjawan tahunan yang besar sehingga mencapai 25 peratus daripada bajet tahunan keseluruhan. Peruntukan kewangan sebanyak ini jelas menggambarkan usaha negara untuk melahirkan dan menggilap 'modal insan berminda kelas pertama' dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju beridentiti sendiri dan berdaya saing di peringkat global. Peranan dan fungsi guru hari ini semakin berat dan mencabar bagi mencapai misi nasional dan status negara maju pada tahun 2020.

Latar Belakang Kajian

Cita-cita murni negara ini tidak akan tercapai sekiranya kerajaan hanya berusaha meningkatkan infrastruktur dan bilangan sumber tenaga murah. Hal ini demikian kerana peningkatan tahap produktiviti dan daya saing negara hanya dapat dilakukan dengan anjakan pembangunan modal insan dari segi keupayaan dan inteleknya. Oleh itu, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan menetapkan pembangunan 'modal insan berminda kelas pertama' sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020 adalah tepat sekali. Sesungguhnya, semua pihak mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan generasi muda menjadi modal insan berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan.

Oleh sebab peranan dan fungsi guru perlu terus berubah mengikut keperluan masa, bakal guru harus melengkapkan diri untuk memiliki atribut sebagai insan guru di samping mampu menyempurnakan program latihan perguruan yang profesional. Bukan sekadar itu, bakal guru harus memperoleh kemahiran pengajaran yang secukupnya, memiliki ilmu pengetahuan bidang pengkhususan yang universal, bermotivasi tinggi, berkaliber, kompeten, berinovatif, berkarisma dan berupaya menjadi agen reformasi pendidikan yang berwibawa. Guru merupakan komponen teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), di samping pembentuk wajah pelapis kepimpinan dan pemacu pembangunan negara (Sufean, 1996; Wan Mohd Zahid, 1988; Awang Had, 1998).

Seorang guru yang profesional tidak harus sentiasa dikerah, dinasihati, dibimbing dan dibantu semasa menjalankan tugas di sekolahnya. Guru perlu melaksanakan peranan dan tugas dengan efisien, berdikari, bersemangat dan berupaya membuat keputusan yang tepat khususnya dalam proses pengajaran dan

pembelajaran di bilik darjah. Guru tidak wajar hanya bergantung kepada dapatan kajian penyelidik lain bagi meningkatkan profesionalisme keguruan. Dalam konteks ini, guru sepatutnya beranggapan bahawa pelbagai pendekatan, kaedah, strategi, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam dan luar bilik darjah merupakan suatu proses eksperimen, di samping bersedia untuk memperbaiki dan mengkritik diri bagi tujuan mencapai profesionalisme keguruan (Othman, 2000; McDonald, 1971; Stenhouse, 1984).

Sehingga hari ini, isu membabitkan guru dan profesionalisme keguruan terus mendapat perhatian dan sering dibahaskan secara meluas sama ada di media massa, dalam kalangan masyarakat umum malah dibincangkan di peringkat nasional dan universal. Saban hari pihak media massa secara berterusan menyediakan laporan yang sesetengahnya berbaur sentimen mempersendakan guru dan profesionalisme keguruan. Walaupun laporan dan gambaran yang diberikan tidak menyeluruh, tindakan ini berjaya memetakan prejudis masyarakat umum terhadap guru dan profesionalisme keguruan. Lantas, fenomena ini turut melakarkan rasa kekecewaan, gangguan mental dan emosi guru, sementelahan bila berhadapan dengan bebanan tugas yang semakin bertambah.

Senario ini semakin serius apabila terdapat guru novis yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun mulai berasa bosan dan tidak mahu lagi bertugas sebagai guru (Chester, 1997; Keller, 2000; Sandham, 2001). Mutakhir ini, wujud kegemaran guru menjalankan tugas berkepentingan peribadi semasa waktu persekolahan sehingga boleh menjejaskan profesionalisme keguruan (Mohd Yusof, 2002; BPG, 1998; BPPDP, 1998). Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 98 peratus responden guru sekitar Lembah Kelang berhasrat memilih untuk bersara awal, manakala seramai 1,045 orang guru telah menceburi sektor swasta kerana menjangkakan prospek yang menarik bakal diperoleh daripada terus kekal dalam skim perguruan yang dikatakan jumud di negara ini (Nor Azlina, 2005).

Anggapan tugas mengajar mudah dan remeh, tidak bersemangat, sentiasa murung dan bersikap acuh tidak acuh semakin meningkat di kalangan guru sejak akhir-akhir ini (Mohd Yusof, 2002). Guru bermasalah dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis iaitu bersikap negatif, sakit mental dan sakit fizikal. Sikap seperti malas, degil, berpakaian tidak kemas, melawan pentadbir, ponteng sekolah dan kelas, tidak berminat untuk mengajar, tidak menyediakan rancangan pengajaran, keluar waktu persekolahan atas urusan peribadi dan sering mengambil cuti sakit sudah tentu memberikan kesan yang serius terhadap minat dan prestasi pembelajaran pelajar mereka. Dapatan kajian Jamil (2002) menerusi sesi temu bual terhadap guru terlatih di Terengganu menjelaskan guru mulai bosan, tidak lagi berminat menjadi guru, tidak berpuas hati dengan sistem yang diamalkan, mendapati ketidakadilan dalam pengurusan sekolah, berasa tidak mendapat sebarang manfaat dengan jawatan yang disandang setelah berkhidmat selama 20 tahun atau lebih daripada itu.

Masyarakat umum mulai mempersoalkan kewibawaan guru dan profesionalisme keguruan, walaupun mereka sebenarnya terlatih dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan masing-masing, mampu menjadi pemimpin dan pengurus pendidikan (JNSP, 2000). Laporan JNSP (2000) menjelaskan guru seolah-olah terkeliru untuk memahami situasi sebenar budaya dan iklim sesebuah sekolah, bersifat fanatik terhadap fahaman politik, gagal memahami kehendak pihak pengurusan sekolah dan pelbagai fenomena lain yang menyebabkan masalah ini wujud. Dapatan kajian JNSP (2000) melabelkan guru bersikap *presentism* dalam tugas seharian, bersikap *defensif* terhadap pembaharuan, gemar situasi kerja *familiar* dan menolak corak kerja penuh persaingan seperti dunia korporat yang sentiasa inginkan pembaharuan. Mekanisme *Early Warning System* (EWS) yang digunakan bagi mengesan guru yang tidak efisien menjadi disfungsi sehinggakan guru yang mencemari profesion dan tidak efisien terlepas tanpa sebarang tindakan.

Walaupun guru profesional perlu mempunyai daya keterampilan kognitif yang tinggi (Good et al., 1994; Wubbels et al., 1997), ciri personaliti yang baik tidak boleh diabaikan. Usaha mewujudkan guru profesional tidak boleh dipandang ringan dalam proses memartabatkan profesion keguruan (Shahril, 2004). Tugas melahirkan guru profesional menjadi semakin penting, apatah lagi untuk memastikan guru mampu mengamalkan konsep pembelajaran seumur hidup. Menurut Flores dan Shiroma (2003: 5), "...the increasing relevance attached to lifelong learning brought about implications for the educational system, in general, and for the role of the teacher, in particular". Usaha ini dilihat begitu penting kerana pendidikan adalah instrumen untuk memproses, membentuk, memupuk, mengasuh, membina dan mencoraki wajah generasi muda agar mampu menyumbangkan sesuatu khususnya kepada negara.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan fenomena di atas, bagaimanakah bakal guru ini mampu menjalankan tugas secara profesional? Krisis profesionalisme keguruan dilihat begitu besar impaknya terhadap keperluan penyelidikan bagi mengenal pasti isu sebenar yang berkait dengan profesionalisme keguruan di negara ini. Krisis profesionalisme keguruan perlu diberikan perhatian yang serius kerana guru merupakan agen utama sebagai pembentuk wajah kepimpinan dan pemacu pembangunan ekonomi negara (Awang Had, 1999). Dalam meniti isu ini, sistem pendidikan negara dilihat perlu sentiasa berkualiti dan senafas dengan usaha melahirkan 'modal insan berminda kelas pertama'. Guru dan mekanismenya perlu sensitif terhadap perkembangan semasa, khususnya ke arah pembentukan kepimpinan negara, pengurusan pengajaran berkesan, latihan perguruan profesional, pengurusan sumber pengajaran pembelajaran ke arah mencapai matlamat pendidikan dan wawasan negara (Ibrahim, 1995).

Tanggapan negatif masyarakat terhadap profesionalisme keguruan menjadi nyata apabila guru tidak mampu membawa mesej dan mempertahankan profesionalisme keguruan. Guru sendiri beranggapan profesion keguruan merupakan profesion yang tidak bermaya. Malah, institusi sekolah dan ahlinya sering dihubung dengan pelbagai bebanan tugas tambahan yang muncul secara tiba-tiba (Abdul Shukor, 1996). Dapatan kajian telah menunjukkan ramai guru yang mengalami suasana kerja yang tertekan dan hilang minat terhadap profesion keguruan adalah akibat masalah ini (BPG, 1998). Guru tidak dapat berfungsi dengan profesional sekiranya bekerja dalam keadaan yang tertekan, apatah lagi jika guru menjadikan profesion keguruan sebagai pilihan terakhir (Smith, 1993; Girdano *et al.*, 1993). Guru yang sering hilang tumpuan semasa bertugas akan gagal menikmati kepuasan bekerja dan sudah pasti akan mengambil keputusan untuk menarik diri daripada profesion keguruan (Siti Taniza, 2002; BPPDP, 1998; BPG, 1998).

Tanggapan negatif ini semakin serius dengan sikap guru sentiasa cuai minda, tidak kreatif dan inovatif (Langer, 1997; Othman, 2000). Guru sering terperangkap dalam kerangka yang dibina oleh mereka sendiri dan akhirnya guru sukar lari daripada set minda lama dan terus menjadi jumud. Guru sedemikian akan melaksanakan tugas pengajaran secara automatik dan tidak berfikir secara aktif. Implikasinya, tugas pengajaran menjadi rutin dan terus lalai dengan tugas tersebut tanpa sebarang pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, sesetengah guru hanya mempunyai satu konsep dalam menangani pelbagai cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini menjelaskan seolah-olah hanya terdapat satu kaedah penyelesaian bagi menangani pelbagai cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar mereka.

Sistem pendidikan dan program latihan perguruan yang dilaksanakan harus berubah mengikut peredaran zaman (Thornburg, 1997). Menurut Othman (2000), generasi muda bakal berhadapan dengan fenomena negatif sekiranya aspek ini diabaikan. Dalam era globalisasi, guru harus berubah dan membentuk kefahaman baru tentang impak kemajuan teknologi terhadap masyarakat, membantu pelajar menggunakan teknologi di samping berusaha meningkatkan keterampilan mengaplikasikan teknologi dan menolak perasaan ragu-ragu terhadap teknologi tersebut. Latihan perguruan profesional diperlukan ketika negara menuju status negara maju. Persoalannya, adakah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) senafas dalam usaha melahirkan guru profesional? Menurut Tajul Arifin *et al.*, (1992), proses mengeksploitasi profesion keguruan menjadi begitu penting bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan merupakan instrumen untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran dalam era globalisasi. Bagi membolehkan program latihan perguruan melaksanakan tanggungjawab tersebut, pelaksanaan dan pengisian program pendidikan di IPTA harus mampu menangani pembangunan bakal guru melalui intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial secara bersepadu seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

(Menurut Hishammuddin (2005), hanya guru yang profesional mampu melahirkan pelajar cemerlang dan aspek ini perlu dalam proses pembentukan sistem pendidikan bertaraf dunia.) Negara tidak akan berjaya melahirkan 'modal insan berminda kelas pertama', sekiranya usaha merealisasikan sistem pendidikan bertaraf dunia tidak tercapai (Mohd Fuad, 1997). Usaha melahirkan guru profesional adalah jelas melalui tema Hari Guru Peringkat Kebangsaan semenjak tahun 2000 dan 2001 melalui tema 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan', pada tahun 2002 dan 2003 melalui tema 'Guru Berkualiti Aspirasi Negara' dan pada tahun 2004 dan 2005 melalui tema 'Guru Berkualiti Pemangkin Kegemilangan'. Tema-tema ini sudah cukup menggambarkan perhatian serius terhadap proses melahirkan guru profesional negara ini. Pihak IPTA turut berperanan bagi melahirkan guru terlatih untuk keperluan negara. Berdasarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), negara telah menetapkan sebanyak 100 peratus guru siswazah menjalankan tugas di sekolah menengah manakala sebanyak 50 peratus guru siswazah menjalankan tugas di sekolah rendah menjelang tahun 2010. Oleh yang demikian, pihak IPTA perlu melahirkan bakal guru yang mampu melaksanakan tugas dengan efisien di sekolah.

Berdasarkan fenomena yang dibincangkan ini, jelas bahawa motif memilih profesion keguruan memainkan peranan utama bagi melahirkan guru profesional yang mampu merealisasikan wawasan negara menuju status negara maju pada tahun 2020. Bakal guru yang tidak berminat dan menganggap profesion keguruan sebagai bukan pilihan utama dalam kerjaya masing-masing akan menimbulkan pelbagai masalah dan menjejaskan usaha merealisasikan Wawasan 2020. Dalam pada itu, sikap yang digambarkan oleh bakal guru juga mampu mencerminkan betapa pentingnya mereka mempunyai sikap yang sesuai dengan profesion yang diceburi. Bakal guru yang tidak bersikap seperti yang diharapkan akan menghancurkan harapan negara dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa. Fenomena ini perlu dielakkan dalam usaha melahirkan bakal guru profesional bagi memenuhi aspirasi negara. Dalam hal ini, pihak IPTA dilihat perlu memainkan peranan utama bagi mengatasi pelbagai kekurangan semasa melaksanakan program latihan perguruan yang ditawarkan di institusi masing-masing.

Beberapa kajian terdahulu hanya mengkaji secara berasingan variabel berkaitan bagi menjelaskan hubungan yang signifikan antara motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan (Young, 1995; Kyriachou, 1999). Tidak banyak kajian yang meramal hubungan secara langsung dan tidak langsung antara variabel dalam kajian secara serentak. Oleh itu, pendekatan model persamaan struktur yang menggunakan perisian *AMOS* Versi 4.01 digunakan pada fasa akhir penyelidikan bagi mengenal pasti hubungan secara langsung dan tidak langsung yang dapat menjadi peramal profesionalisme keguruan dalam kalangan pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA berdasarkan motif, sikap dan latihan

perguruan. Langkah mencapai profesionalisme keguruan perlu dilakukan segera agar negara mampu melahirkan dan menggilap 'modal insan berminda kelas pertama' yang mampu bersaing dalam pasaran global.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profesionalisme keguruan berdasarkan impak hubungan motif, sikap dan latihan perguruan dalam kalangan pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA.

1. Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara motif, sikap, latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan dalam kalangan pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA.
2. Mengetahui sama ada terdapat hubungan secara langsung dan tidak langsung yang signifikan motif, sikap dan latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan dalam kalangan pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif bukan eksperimen yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan sampel bertujuan mengumpulkan maklumat mengenai variabel kajian daripada sebahagian populasi terpilih. Tumpuan bagi mengenal pasti profesionalisme keguruan adalah berdasarkan skala motif memilih profesion keguruan (SMMPK), skala sikap terhadap profesion keguruan (SSTPK), skala latihan dalam profesion keguruan (SLDPK) dan skala profesionalisme keguruan (SPK) bagi pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA.

Populasi Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar tahun pertama program pendidikan di empat buah IPTA yang menawarkan program pendidikan. Populasi yang terlibat mewakili empat zon iaitu Zon 1, Sabah dan Sarawak (UMS & UNIMAS); Zon 2, utara Semenanjung Malaysia (USM & UUM); Zon 3, tengah Semenanjung Malaysia (UPSI, UKM, UiTM, UPM, UM & UIAM) dan Zon 4, selatan Semenanjung Malaysia (UTM & KUiTTHO).

Jadual 1: Penentuan populasi kajian

Bil.	Zon Populasi	Pelajar Tahun Pertama (Program Pendidikan IPTA)
1	ZON 1 (Sabah & Sarawak)	UMS (sains sosial, sains & matematik)
2	ZON 2 (Utara Semenanjung)	UUM (sains sosial, teknikal & vokasional)
3	ZON 3 (Tengah Semenanjung)	UPM (sains sosial, sains & matematik, teknikal & vokasional)
4	ZON 4 (Selatan Semenanjung)	UTM (teknikal & vokasional)

Instrumen Kajian

Soal selidik yang dibina adalah berdasarkan objektif, soalan kajian dan kerangka teori kajian. Asas pembinaan item dalam skala motif, sikap dan latihan perguruan serta profesionalisme keguruan berdasarkan kepada tinjauan literatur dan dapatan kajian terdahulu (Kyriachou *et al.*, 1999; Yong, 1994 & 1995; Abd Ghani, 1987; Noran Fauziah, 1988; Mohd Yusof, 2002; BPPDP, 1998; Joseph & Green, 1986; Noran Fauziah, 1988; Kyriachou *et al.*, 1999; Yong, 1994 & 1995; BPG, 1998; BPPDP, 1998; Abdul Rahman *et al.*, 2002; Abdul Rahim, 2005; Flores & Shiroma, 2001). Soal selidik yang dibentuk mengandungi lima bahagian dan keseluruhan item berjumlah 127.

Jadual 2: Kandungan soal selidik pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA

Bah.	Skala & Subskala	Bil. Item	Item	Sumber
A	Demografi	05	01 – 05	-
B	Skala Motif Memilih Profesion Keguruan (SMMPK)	35	01 – 35	Kyriachou <i>et al.</i> (1999)
	• Subskala Intrinsik	09	01 – 09	Noran Fauziah, (1988)
	• Subskala Ekstrinsik	18	10 – 27	BPPDP, (1998)
	• Subskala Altruistik	08	28 – 35	Joseph & Green, (1986)
C	Skala Sikap Terhadap Profesion Keguruan (SSTPK)	38	01 – 38	Noran Fauziah, (1988)
	• Subskala Afektif	14	01 – 14	Kyriachou <i>et al.</i> (1999)
	• Subskala Kognitif	09	15 – 23	Yong, (1994 & 1995)
	• Subskala Tindakan	15	24 – 38	
D	Skala Sikap dalam Profesion Keguruan (SLDPK)	39	01 – 39	BPG, (1998)
	• Subskala Keterampilan Asas Profesion	06	01 – 06	BPPDP, (1998)
	• Subskala Keterampilan Generik	19	07 – 25	Abdul Rahman <i>et al.</i> , (2002)
	• Subskala Keterampilan Pengurusan Pendidikan	14	26 – 39	
E	Skala Profesionalisme Keguruan (SPK)	10	01 – 10	Abdul Rahim, (2005) Flores & Shiroma, (2001)
Jumlah Item Keseluruhan		127	-	-

Dapatan Kajian

Hubungan Motif, Sikap, Latihan Perguruan dan Profesionalisme Keguruan Responden Tahun Pertama Program Pendidikan IPTA

Analisis statistik dilakukan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan mengikut demografi jantina, tempat asal, kaum, tempoh ingin menjadi guru dan bidang pengkhususan yang diikuti responden di IPTA. Penggunaan analisis korelasi Pearson (r) dilakukan untuk mencapai maksud tersebut. Analisis korelasi adalah berdasarkan purata skor komposit setiap variabel kajian yang dinyatakan hasil daripada respons responden terhadap skala pengukuran yang digunakan.

Berdasarkan Jadual 3, skor motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara satu sama lain dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan IPTA pada aras $p < .05$. Nilai pekali korelasi antara variabel kajian ialah .478 hingga .914. Keputusan kajian menunjukkan hubungan positif yang signifikan di antara motif dengan sikap ($r = .626, p < .01$), antara motif dengan latihan perguruan ($r = .478, p < .01$), antara motif dengan profesionalisme keguruan ($r = .516, p < .01$), antara sikap dengan latihan perguruan ($r = .718, p < .01$), antara sikap dengan profesionalisme keguruan ($r = .758, p < .01$) dan antara latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan ($r = .914, p < .01$). Keputusan ujian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan daripada peringkat rendah ke peringkat tinggi antara skor motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan.

Jadual 3: Hubungan motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan responden tahun pertama ($n = 770$)

Variabel	Motif	Sikap	Latihan	Profesionalisme
Motif	1			
Sikap	.626**	1		
Latihan	.478**	.718**	1	
Profesionalisme	.516**	.758**	.914**	1

** $p < .01$

Hubungan Analisis Laluan Motif, Sikap, Latihan Perguruan dengan Profesionalisme Keguruan Responden Tahun Pertama Program Pendidikan IPTA

Dalam penyelidikan ini, analisis laluan dilakukan menggunakan perisian AMOS Versi 4.01 (Arbuckle, 1998) yang merupakan salah satu perisian untuk mengolah dan meneliti model yang dibentuk dalam penyelidikan yang bersifat multidimensi (Ferdinand, 2000). Perisian ini berupaya memeriksa hubungan langsung dan tidak langsung, melihat hubungan yang mengaitkan variabel yang dicerap dengan variabel terpendam dan memeriksa hubungan antara variabel terpendam (Maruyama, 1998). Penyelidikan yang menggunakan analisis laluan ini bertujuan menjelaskan hubungan langsung motif, sikap dan latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama dan akhir program pendidikan di IPTA.

Keputusan ujian pada Jadual 4 dan Rajah 1 bagi responden tahun pertama menunjukkan bahawa kesemua laluan didapati signifikan pada aras $p < .05$. Laluan antara sikap dengan latihan perguruan menunjukkan sumbangan ($\hat{\alpha} = .840, p = .05$), diikuti laluan antara motif dengan latihan perguruan ($\hat{\alpha} = .053, p = .05$), laluan antara latihan perguruan dengan profesionalisme keguruan ($\hat{\alpha} = .753, p = .05$), laluan antara motif dengan profesionalisme keguruan ($\hat{\alpha} = .036, p = .05$) dan laluan antara sikap dengan profesionalisme keguruan ($\hat{\alpha} = .229, p = .05$).


Jadual 4: Anggaran wajaran piawaian regresi laluan terhadap model hubungan responden tahun pertama ($n = 770$)

Bil.	Wajaran Piawaian Regresi		Anggaran
1	Latihan Perguruan	← Sikap	.840*
2	Latihan Perguruan	← Motif	.053*
3	Profesionalisme	← Latihan Perguruan	.753*
4	Profesionalisme	← Motif	.036*
5	Profesionalisme	← Sikap	.229*

* $p < .05$

Keputusan ujian Rajah 1 menunjukkan bahawa variabel motif (4 peratus), sikap (23 peratus) dan latihan perguruan (75 peratus) menyumbang hubungan secara langsung terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan IPTA. Hasil ujian menunjukkan variabel latihan perguruan adalah penentu tertinggi berbanding dengan motif dan sikap terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama. Anggaran sumbangan hubungan secara langsung variabel motif dan sikap adalah sebanyak 7 peratus varians terhadap latihan perguruan manakala anggaran sumbangan hubungan secara langsung dan tidak langsung variabel motif, sikap dan latihan perguruan adalah sebanyak 2 peratus varians terhadap profesionalisme keguruan.

Kesimpulannya, keputusan ujian analisis laluan menunjukkan semua variabel bebas menyumbang hubungan secara langsung yang signifikan dengan variabel bersandar. Dalam pada itu, variabel motif dan sikap hanya mempunyai sumbangan secara langsung terhadap profesionalisme keguruan manakala variabel motif, sikap dan latihan perguruan mempunyai sumbangan secara langsung dan tidak langsung terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA.



Rajah 1: Model hubungan analisis laluan responden tahun pertama program pendidikan IPTA ($n = 770$)

Perbincangan dan Rumusan

Umumnya, kajian ini menunjukkan motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan mempunyai hubungan dalam kalangan responden secara keseluruhan tanpa mengambil kira perbezaan demografi jantina, tempat asal, kaum, tempoh ingin menjadi guru dan bidang pengkhususan yang diikuti di IPTA. Dalam hal ini, dapatan kajian adalah konsisten dengan dapatan kajian terdahulu yang berkaitan (Abdul Ghani, 1987; Noran Fauziah, 1988; Jaafar, 1995; Mohd Yusof, 2002; BPPDP, 1998; Yong, 1994 & 1995; Abdul Rahman *et al.*, 2002; BPG, 1998; Chamberlain *et al.*, 2002; Flores & Shiroma, 2003). Berdasarkan keputusan ujian, kajian merumuskan wujud hubungan positif yang signifikan antara motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan. Gambaran ini menjelaskan responden mempunyai pelbagai tanggapan seperti rendah ke sederhana, sederhana ke tinggi dan tinggi ke sangat tinggi. Oleh itu, penemuan kajian ini membawa makna responden mempunyai tanggapan hubungan yang positif terhadap motif, sikap, latihan perguruan dan profesionalisme keguruan.

Berdasarkan keputusan ujian analisis laluan, peramal latihan perguruan menyumbang hubungan secara langsung paling tinggi terhadap profesionalisme keguruan diikuti peramal sikap dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA. Peramal sikap merupakan penyumbang hubungan secara langsung kedua tertinggi terhadap profesionalisme keguruan sama ada dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA. Peramal sikap merupakan peramal paling rendah menyumbang hubungan secara langsung terhadap latihan perguruan mahupun profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA.

Dapatan kajian yang konsisten ini menggambarkan bahawa responden tahun pertama dan program pendidikan di IPTA mempunyai tanggapan yang paling tinggi dalam aspek latihan perguruan terhadap profesionalisme keguruan. Corak yang sama diikuti oleh tanggapan sikap dan motif terhadap profesionalisme keguruan. Rentetan kes ini menunjukkan bahawa motif mempunyai peranan paling kecil terhadap profesionalisme keguruan sama ada dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA. Oleh yang demikian, hipotesis yang mengandaikan tidak terdapatnya hubungan secara langsung yang signifikan peramal motif, sikap dan latihan perguruan terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA tidak dapat diterima.

Berdasarkan fenomena di atas, dapat dirumuskan bahawa pelajar tahun pertama program pendidikan di IPTA mempunyai tanggapan bahawa struktur latihan perguruan yang dilaksanakan di IPTA mampu memberi impak terhadap profesionalisme keguruan setelah mereka menamatkan pengajian di IPTA berkenaan. Kurikulum latihan perguruan harus mampu menyediakan peluang kepada pelajar tahun pertama untuk mencapai tahap profesionalisme tersebut dan itulah tanggapan sebenar dalam kalangan pelajar tahun pertama program pendidikan di IPTA yang terlibat dalam kajian ini. Harapan yang tinggi diberikan oleh pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA agar mereka mampu memperoleh keupayaan yang tinggi bagi mencapai profesionalisme keguruan. Hal yang sama wujud bagi faktor sikap. Pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA juga sekata memberi tanggapan bahawa faktor sikap mempunyai hubungan kedua tertinggi dengan profesionalisme keguruan. Sikap yang dimiliki dalam kalangan pelajar tahun pertama IPTA jelas menunjukkan mereka mampu melahirkan tingkah laku yang memberi impak terhadap profesionalisme keguruan. Fenomena ini menunjukkan pihak IPTA tidak perlu begitu bimbang atau mempunyai tugas yang begitu berat untuk membentuk sikap pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA bagi mencapai profesionalisme keguruan. Hal ini demikian kerana mereka sendiri sudah mempunyai sikap sedia ada yang boleh membantu mereka mencapai profesionalisme keguruan setelah tamat pengajian yang diikuti. Namun begitu, fenomena yang agak berbeza wujud kepada faktor motif. Gambaran motif melalui tanggapan pelajar tahun pertama program pendidikan IPTA begitu membimbangkan dan amat rendah. Petunjuk ini menjelaskan pelajar tahun pertama program pendidikan

tidak mempunyai motif untuk menceburi program pendidikan IPTA atau dengan kata lain tidak mempunyai minat untuk menjadi seorang guru. Hal ini membimbangkan semua pihak. Oleh itu, langkah Kementerian Pengajian Tinggi menentukan standard guru Malaysia dengan mewajibkan calon-calon guru menjalani sesi penapisan (MEdSI) amat tepat.

Kesimpulan

Umumnya, kajian mendapati ketiga-tiga variabel bebas yang dikaji masing-masing menunjukkan hubungan dengan profesionalisme keguruan dalam kalangan responden tahun pertama program pendidikan di IPTA. Pada masa yang sama, penemuan kajian ini juga menunjukkan wujud hubungan secara langsung dan tidak langsung variabel-variabel bebas terhadap variabel bersandar iaitu profesionalisme keguruan. Pendek kata, langkah mewujudkan profesionalisme keguruan dalam kalangan bakal guru dalam negara perlulah mengambil kira gagasan motif, sikap dan latihan perguruan di samping ciri demografi yang berkaitan. Berdasarkan petunjuk skor varians dalam ujian analisis laluan yang dilakukan, variabel motif perlu diberi perhatian serius dalam program penambahbaikan latihan perguruan dengan segera berbanding dengan variabel-variabel lain.

Bibliografi

- Abdul Rahim Abdul Rashid. 2005. *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajzen, I., & Driver, B.L. 1991. Prediction of Leisure Participation from Behavioral, Normative and Control Belief: An Application of the Theory of Planned Behavior. *Journal of Leisure Sciences*, 13: 185-204.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. 1980. *Understanding Attitudes and Predicting Social Behaviour*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Ajzen, I., & Fishbein, M., 2000. *Attitudes and the Attitudes-Behavior Relation: Reasoned and Automatic Processes*. Chichester, England: Wiley.
- Awang Had Salleh. 1998. *Latihan Perguruan untuk Sekolah Berkesan*. Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG, Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bahagian Pendidikan Guru. 1998. *Kajian Keperluan Latihan Keguruan Tenaga Pengajar Institusi Pendidikan Swasta*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. 2003. *Memperkasa Pendidikan Guru ke Arah Pendidikan Berkualiti*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Becker, E.A. & Gibson, C.C. 1998. Fishbein's and Ajzen Theory of Reasoned

- Action: Accurate Prediction of Behavioral Intentions for Enrolling in Distance Education Courses. *Journal of Adult Education*. 49: 43-56.
- Boyce, A. & Luke, K. 1992. Developing Pedagogical Skills of Preservice Teachers Through Goal Setting and Computer Generated Feedback. *Journal of Physical Educator*. 49(4): 213.
- Chadwick, B.A., Bahr, H.M. & Albrecht, S.L. 1984. *Social Science Research Methods*. New York: Harper & Row.
- Creswel, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 2nd edition. California: Sage.
- Daisy, Ee. 1974. *A Study of Factors Influencing Teacher Trainee's Choice of Teaching Profession in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Darling-Hammond, L. 1992. Teaching and Knowledge: Policy Issues Posed by Alternative Certification for Teachers. *Peabody Journal of Education*. 67(3): 123-154.
- Eldar, E., Nabel, N., Schechter, C., Talmor, R. & Mazin, K. 2003. Anatomy of Success and Failure: The Story of Three Novice Teachers. *Educational Research*. 45(1): 29-48.
- Lynn, S.K. 2002. The Winding Path: Understanding the Career Cycle of Teachers. *Journal of Education*. 75(4): 179-183.
- Maruyama, G.M. 1998. *Basic of Structural Equation Modeling*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Paulsen, M.B. 2002. Evaluating Teaching Performance. *Journal of New Direction for Institutional Research*. 114.
- Soder, R. 1990. *The Rhetoric of Teacher Professionalization*. Dalam Goodlad, J.I. et al. (eds.) *The Moral Dimensions of Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Soh, K.C. 1989. Motives for Teaching of Female Certificate in Education Students. *Journal of Teacher Education*. 21:100-127.
- Strike, K.A. 1990. *The Legal and Moral Responsibility of Teachers*. Dalam Goodlad, J.I. et al. (eds.) *The Moral Dimensions of Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Toneatto, T., & Binik, Y. 1987: The Role of Intentions, Social Norms and Attitudes in the Performance of Dental Flossing: A Test of the Theory of Reason Action. *Journal of Applied Social Psychology*. 17: 593-603.
- Toppin, R. & Levine, L. 1992. *Stronger in their Presence: Being and Becoming a Teacher of Color*. Paper Presented at American Educational Research Association Meeting in San Francisco, USA.
- Trafimow, D. et al. 2002. Evidence that Perceived Behavioural Control is a Multidimensional Construct. Perceived Control and Perceived Difficulty. *British Journal of Social Psychology*. 41: 101-121.
- Tudhope, W.P. 1944. Motives for the Choice of the Teaching Profession by Training

- College Students. *The British Journal of Educational Psychology*. 14: 129-144.
- Vaisanen, P. 1999. *The Attractors of a Teachers' Work : The Correlation Factors in the Decision to Become a Teacher*. 24th ATEE Annual Conference.
- Vaughn, E.D., Wang, M.C. & Dytman, J.A. 1987. Implementing an Innovative Program: Staff Development and Teacher Classroom Performance. *Journal of Education*. 38: 6-16.
- Vernon, M.D. 1937. *The Drives Which Determine the Choice of a Career*. *Journal of Educational Research*. 74: 302-316.
- Veugelers, W. & Vedder, P. 2003. *Values in Teaching*. *Journal of Teachers and Teaching: Theory and Practice*. 9(4): 76-89.
- White, W.F. & Burke, C.M. 2001. Critical Thinking and Teaching Attitudes of Preservice Teachers. *Journal of Education*. 112(3): 443-450.
- Wilhelm, K., Dewhurst-Savellis, J. & Parker, G. 2000. Teacher Stress? An Analysis of Why Teachers Leave and Why They Stay. *Journal of Teachers and Teaching*. 6(3): 291-304.
- Wolk, S. 2002. *Being Good: Rethinking Classroom Management and Student Discipline*. Portsmouth: Heineman.
- Wright, N. & Bottery, M. 1997. Perceptions of Professionalism by the Mentors of Students Teachers. *Journal of Education for Teaching*. 23(3): 235-252.
- Wubbles, T., Levy, J. & Brekelmans, M. 1997. Paying Attention to Relationships. *Journal of Educational Leadership*. 54(7): 82-86.
- Yong, B.C.S. 1995. Teacher Trainees' Motives for Entering into A Teaching Career in Brunei Darussalam. *Teacher and Teacher Education*. 11(3): 275-280.
- Young, B.J. 1995. Career Plans and Work Perceptions of Preservice Teachers. *Journal of Teaching and Teacher Education*. 2: 281-292.
- Zeichner, K.M. 2003. The Adequacies and Inadequacies of Three Current Strategies to Recruit, Prepare and Retain the Best Teachers for All Students. *Teacher and Teacher Education*. 105(3): 490-519.